

Memahami Demensia



Halaman Kandungan

- 01 Apa itu Demensia?
Siapa yang Mendapat Demensia?
Beberapa jenis Demensia
- 02 Apakah tanda-tanda Penyakit Demensia?
- 04 Bagaimana Cara untuk Mengurangkan Risiko Penyakit Demensia?
- 06 Bagaimana Cara untuk Menjaga Orang yang mengalami Penyakit Demensia?
Hulurkan Sokongan kepada Penjaga Pesakit Demensia
- 07 Mengapa Diagnosis yang tepat bagi orang yang mengalami Penyakit Demensia amat penting?

Untuk senarai penuh direktori dan sumber hubungan, sila rujuk kepada lembaran yang dilampirkan di poket belakang buku kecil ini.

Apa itu Demensia?

Demensia BUKAN sebahagian daripada penyakit tua yang biasa. Demensia adalah sejenis penyakit yang menjejaskan otak, yang membawa kepada hilang ingatan secara berperingkat-peringkat, penurunan dalam keupayaan intelek dan perubahan personaliti.

Ia mempengaruhi kebolehan seseorang berfikir, mempelajari maklumat baru, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Buat masa ini, masih belum terdapat cara untuk mengubati penyakit demensia. Walau bagaimanapun, sudah terdapat rawatan untuk menguruskan simptomnya ini dan melambatkan berterusannya penyakit demensia ini.

Siapa yang Mendapat Demensia?

Demensia boleh terjadi kepada sesiapa saja, tapi risiko demensia bertambah dengan meningkatnya usia. Ia lebih biasa berlaku pada seorang yang berumur melebihi 60 tahun.

Tahukah anda?

Kini, satu dalam sepuluh orang yang berusia lebih daripada 60 tahun mengalami penyakit demensia.

Beberapa jenis Demensia

Terdapat pelbagai jenis penyakit demensia. Dua jenis yang paling biasa adalah:

Penyakit Alzheimer

Ia adalah penyakit yang berterusan dan semakin merosot yang menjejaskan otak, di mana sel-sel saraf otak dimusnahkan dan bahan otak mengecut.

Punca-punca penyakit Alzheimer belum dapat difahami sepenuhnya. Walau bagaimanapun, faktor genetik telah diketahui sebagai punca risiko penyakit Alzheimer terjadi, terutama mereka yang menghidap awal bermulanya (kurang daripada 60 tahun).

Demensia Vaskular

Ia disebabkan oleh angin ahmar kecil yang menyebabkan masalah pengaliran darah ke otak. Tidak seperti penyakit Alzheimer, demensia vaskular boleh dicegah.

Beberapa faktor risiko bagi demensia vaskular termasuk:

- Tekanan Darah Tinggi • Kolesterol Darah Tinggi • Kencing Manis • Sejarah Angin Ahmar • Kegemukan • Merokok

Apakah tanda-tanda Penyakit Demensia?

Mengenali tanda-tanda amaran demensia membolehkan pengurusan awal. Pengesanan dan pengurusan awal akan membantu melegakan gejala dan melewati perkembangan penyakit.

01 Sifat pelupa terhadap maklumat yang baru diterima

Pesakit demensia mungkin akan kerap lupa, terutama sekali maklumat baru, contohnya sesuatu yang baru sahaja anda beritahu mereka. Mereka mungkin akan menanyakan soalan yang sama berulang kali kerana mereka lupa bahawa anda sudah pun memberikan jawapannya.

02 Keliru tentang masa dan tempat

Pesakit demensia mungkin lupa di mana mereka berada dan bagaimana mereka boleh berada di situ, mendapatinya sukar untuk ke tempat yang biasa mereka pergi seperti ke pasar. Mereka juga mungkin keliru tentang waktu dan perbezaan antara pagi, petang dan malam.

03 Kurang atau lemah dalam pertimbangan

Pesakit demensia mungkin menunjukkan pertimbangan yang lemah, umpamanya membeli makanan lebih daripada yang mereka perlukan, memberi sejumlah wang yang banyak kepada orang yang tidak dikenali dan membahayakan keselamatan diri mereka seperti menjemput orang yang tidak dikenali ke rumah mereka.

04 Kesukaran melakukan kerja yang biasa dilakukan

Pesakit demensia mungkin mengalami kesukaran mengendalikan wang, memasak atau menguruskan tugas-tugas rutin. Contohnya, mereka mungkin keliru cara-cara mencuci pakaian.

05 Kesukaran berkomunikasi dan memahami maklumat

Pesakit demensia mungkin mengalami masalah dalam perbualan. Mungkin sukar untuk mereka mencari perkataan yang tepat bagi objek harian seperti sikat, dan menggantikannya dengan perkataan atau frasa yang ganjil, seperti "benda yang anda gunakan di rambut anda."

06 Kesukaran merancang atau menyelesaikan masalah

Pesakit demensia mungkin mengalami masalah membuat rancangan dan mengikutinya, contohnya membuat dan menggunakan senarai barang dapur, mengikut resipi atau memastikan pembayaran bil-bil bulanan.

07 Tersalah meletak barang

Pesakit demensia mungkin tersalah meletak barang dan tidak berupaya mengingati di mana mereka telah meletakkannya. Mereka mungkin meletakkan barang di tempat yang ganjil seperti meletak kunci di dalam peti sejuk.

08 Menarik diri daripada kerja atau aktiviti sosial

Pesakit demensia mungkin menjadi tidak aktif dan biasanya hilang minat dalam aktiviti yang sebelumnya suka dilakukan seperti catur, berjalan pantas atau berjumpa dengan kawan-kawan.

09 Perubahan dalam ragam atau tingkah laku

Pesakit demensia boleh menunjukkan emosi yang berubah dengan pantas contohnya menjadi mesra dan penyayang beberapa minit selepas melenting marah.

10 Perubahan dalam personaliti

Pesakit demensia boleh berubah personaliti secara mendadak, yang berbeza daripada perwatakan biasa mereka dan menjadi curiga, menjauhkan diri dan tidak percayakan keluarga dan kawan-kawan.

Dengan penyakit demensia, gejala yang berulang menjejaskan kemampuan seseorang untuk hidup dan berfungsi dengan selamat dan berdikari, dan ia menjadi semakin teruk dari masa ke masa.

Bagaimana Cara untuk Mengurangkan Risiko Penyakit Demensia?

01 Bina hubungan positif

Kerap bergaul dengan ahli keluarga dan kawan-kawan. Lakukan aktiviti sukarela atau sertai kelab untuk mendapatkan ramai kawan dan menyertai aktiviti kemasyarakatan.

02 Rangsang minda anda

Cabar akal fikiran anda. Baca, tulis, main daun terup, teka silang kata atau permainan papan. Belajar bahasa atau bermain alat muzik atau ceburi kemahiran baru. Anda boleh dapati bermacam jenis buku dan sumber audio visual di perpustakaan komuniti.

03 Bergiat secara fizikal

Aktiviti fizikal meningkatkan peredaran darah dan membantu pertumbuhan sel-sel baru otak. Aktifkan diri anda dengan aktiviti seperti berjalan pantas, taichi, menari, atau berenang.

04 Makan diet seimbang

Makan makanan sihat dengan mengambil lebih buah-buahan dan sayur-sayuran. Kurangkan gula dan garam dan pilih makanan rendah lemak (lemak tepu) seperti ikan dan soya. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai makanan sihat dan resipi, layari gethealthy.sg

Kajian telah menunjukkan bahawa gaya hidup yang sihat boleh mengurangkan risiko beberapa jenis penyakit demensia. Cubalah langkah-langkah aktif dan mengamalkan gaya hidup sihat hari ini.

05 Jadi sihat dengan jantung yang sihat

Penjagaan jantung yang sihat akan membuatkan otak anda juga menjadi sihat. Ini menghalang daripada penyakit jantung, tekanan darah tinggi, kencing manis dan angin ahmar, yang mana merupakan faktor risiko penyakit demensia.

06 Uruskan keadaan perubatan anda dengan baik

Dapatkan rawatan dan ambil ubat mengikut jadual untuk menguruskan keadaan perubatan anda seperti tekanan darah tinggi, kolesterol darah tinggi atau kencing manis. Pastikan tekanan darah tinggi, kolesterol, tahap gula dan Indeks Jisim Badan (BMI) dalam batas yang boleh diterima. Jalani pemeriksaan kesihatan secara kerap.

07 Kurangkan dan elakkan tabiat yang memudaratkan kesihatan anda

Hadkan pengambilan alkohol anda dan berhenti merokok. Kurangkan paras tekanan anda dengan tabiat yang sihat. Bersenamlah dan pastikan mendapat tidur yang cukup.

08 Ambil langkah keselamatan

Elakkan kecederaan kepala dan jatuh dengan mengambil langkah keselamatan. Kemaskan kediaman anda agar tidak berselerak, pakai topi keledar apabila berbasikal dan sentiasa memakai tali pinggang keledar ketika dalam perjalanan dalam kereta.



Bagaimana Cara untuk Menjaga Orang yang mengalami Penyakit Demensia?

Menjaga seseorang yang berpenyakit demensia boleh menjadi satu pengalaman yang mencabar. Penjaga mungkin boleh menghadapi tekanan emosi seperti cepat marah dan mengalami kegelisahan.

Proses penjagaan menjadi lebih mencabar apabila penyakit demensia bertambah teruk dan pesakit pula bergantung sepenuhnya kepada penjaga.

Sebagai penjaga kepada orang yang mengalami penyakit demensia, anda perlu tahu:

01

Perkembangan penyakit ini supaya anda lebih bersedia untuk menguruskan gejala pesakit itu.

02

Berhati-hati dengan keperluan anda sendiri. Jika perlu, anda boleh mendapatkan bantuan daripada perkhidmatan sokongan yang telah disediakan untuk mengurangkan tahap tekanan anda. Ia juga boleh meningkatkan keupayaan anda untuk menghadapi tekanaan. Untuk tips penjagaan, sila lungsur <https://helm.hpb.gov.sg>

Ambil kursus latihan untuk pelajari cara-cara menjaga orang yang anda sayangi yang menghidap demensia. Anda juga boleh menyertai kumpulan sokongan penjaga.

Rujuk kepada lembaran yang dilampirkan untuk senarai sumber-sumber masyarakat yang menyediakan latihan dan sokongan sosial bagi penjaga pesakit demensia.

Hulurkan Sokongan kepada Penjaga Pesakit Demensia

Jika anda tahu kawan atau saudara mara anda sedang menjaga pesakit demensia, anda boleh menunjukkan sokongan dengan beberapa cara yang berikut:



- Sentiasa ada untuk mendengar masalah mereka.
- Mengunjungi mereka dan tunjukkan yang anda prihatin terhadap mereka.
- Mengaturkan perkelahan atau aktiviti lain yang boleh memberikan kelainan daripada rutin biasa mereka.
- Menawarkan diri untuk menjaga pesakit demensia jika penjaganya perlu membuat tugas yang lain.
- Membantu mereka dengan membelikan barang runcit untuk mereka.
- Berkongsi maklumat dengan mereka tentang cara menjaga pesakit demensia.

Mengapa Diagnosis yang tepat bagi orang yang mengalami Penyakit Demensia amat penting?

Jangan menganggap seseorang itu menghidap penyakit demensia hanya kerana terdapat beberapa tanda amaran. Sesetengah keadaan seperti tekanan, gangguan hormon, kekurangan pemakanan dan jangkitan akan menunjukkan simptom yang serupa.

Jika anda mengesyaki bahawa anda atau seseorang yang anda kenali menghidap penyakit demensia, dapatkan nasihat daripada doktor keluarga anda untuk penilaian atau rujukan ke perkhidmatan pakar di hospital.

Hubungi talian bantuan berikut untuk maklumat lanjut mengenai penyakit demensia dan sumber-sumber bantuan yang tersedia.

Talian Maklumat Demensia:
1800 223 1123

Persatuan Penyakit Alzheimer,
Talian Bantuan Demensia:
6377 0700



AGENSI-AGENSI YANG MENYEDIAKAN MAKLUMAT DAN PERKHIDMATAN TENTANG PENYAKIT DEMENSIA

Senarai berikut tidak menyeluruh. Sila layari <https://www.silverpages.sg> atau hubungi talian Singapore Silver Line di 1800 650 6060 untuk maklumat terkini tentang agensi-agensi dan perkhidmatan yang tersedia.

TALIAN BANTUAN

Beberapa talian bantuan juga disediakan untuk memberikan maklumat tentang penyakit demensia dan sumber-sumber bantuan dan perkhidmatan yang ada.

Singapore Silver Line 1800 650 6060 (Isnin - Jumaat: 8.30pagi - 8.30malam & Sabtu: 8.30pagi - 4.00petang)	Health Promotion Board Dementia InfoLine 1800 223 1123 (Isnin - Jumaat: 8.30pagi - 5.00petang & Sabtu: 8.30pagi - 1.00petang)	Alzheimer's Disease Association Dementia Helpline 6377 0700 (Isnin - Jumaat: 9.00pagi - 6.00petang)
---	--	--

PUSAT PENJAGAAN DEMENSIA

Pusat-pusat ini menyediakan khidmat penjagaan untuk pesakit demensia pada siang hari. Ia juga mempunyai kemudahan fisioterapi serta memberi peluang untuk mereka berinteraksi. Aktiviti-aktiviti termasuk senaman berkumpulan, aktiviti masa lapang dan hobi, dan bersiar-siar.

Kawasan Tengah		
AWWA Dementia Day Care Centre 123 Ang Mo Kio Ave 6 #01-4035 Singapore 560123 6511 9479	Lions Home for the Elders 9 Bishan Street 13 Singapore 579804 6252 9900 / 6359 9167	New Horizon Centre (Toa Payoh) 157 Toa Payoh Lorong 1 #01-1195 Singapore 310157 6353 8734
NTUC Eldercare Silver Circle (Dakota) 62 Dakota Crescent #01-315 Singapore 390062 6715 6762	NTUC Eldercare Silver Circle (Henderson) 117 Bukit Merah View #01-201 Singapore 151117 6715 6762	NTUC Eldercare Silver Circle (Toa Payoh) 169 Toa Payoh Lorong 1 #01-1052 Singapore 310169 6715 6762
SASCO Day Activity Centre 30 Telok Blangah Rise #01-316 Singapore 090030 6273 5183	St Andrew's Senior Care Joy Connect 5 Beach Road #01-4919 Singapore 190005 6291 1861	St Hilda's Community Services 10 Jalan Batu #01-06 Singapore 431010 6345 0054
St Luke's Eldercare (Telok Blangah Centre) 33 Telok Blangah Way #01-1038 Singapore 090033 6273 3466	St Luke's Eldercare (Whampoa Centre) 97 Whampoa Drive #01-222 Singapore 320097 6252 9661	Yong-En Care Centre Chinatown Complex 335A Smith Street #03-57 Singapore 051335 6225 1002

Kawasan Utara		
Jamiyah Senior Care Centre Jamiyah Nursing Home 130 West Coast Drive Singapore 127444 6776 8575	Kwong Wai Shiu Hospital 705 Serangoon Road Singapore 328127 6299 3747	NTUC Eldercare Silver Circle (Ci Yuan) Ci Yuan Community Club 51 Hougang Ave 9 #03-01 Singapore 538776 6715 6762
NTUC Eldercare Silver Circle (Marsiling) 172 Woodlands St 13 #01-303 Singapore 730172 6715 6762	NTUC Eldercare Silver Circle (Punggol South) 571 Hougang St 51 #01-119 Singapore 530571 6715 6762	NTUC Eldercare Silver Circle (Serangoon Central) 264 Serangoon Central #01-207 Singapore 550264 6715 6762
Sree Narayana Mission Home (Woodlands) 861 Woodlands Street 83 #01-170 Singapore 730860 6362 5152	St Luke's Eldercare (Chong Pang) 113 Yishun Ring Road #01-457 Singapore 760113 6481 5708	St Luke's Eldercare (Golden Years Centre) 831 Hougang Central #01-502 Singapore 530831 6315 3566
St Luke's Eldercare (Hougang Centre) 126 Hougang Avenue 1 #01-1506 Singapore 530126 6382 2366	St Luke's Eldercare (Nee Soon Central) 766 Yishun Ave 3 #01-295 Singapore 760766 6759 9053	St Luke's Eldercare (Nee Soon East) 260 Yishun Street 22 #01-97 Singapore 760260 6481 5903
St Luke's Eldercare (Serangoon Centre) 217 Serangoon Ave 4 #01-156 Singapore 550217 6285 6004	Sunlove Dementia Day Care Centre Buangkok Green Medical Park 70 Buangkok View Singapore 534190 6387 3593 / 6387 3548	Sunshine Welfare Action Mission (SWAMI) Dementia Day Care Centre 5 Sembawang Walk Singapore 757717 6257 6117

Kawasan Timur		
All Saints Home (Tampines) 11 Tampines Street 44 Singapore 529123 6788 2345	Apex Harmony Lodge 10 Pasir Ris Walk Singapore 518240 6585 2265	Peacehaven Changi Day Centre 9 Upper Changi Road North Singapore 507706 6546 5669
New Horizon Centre (Tampines) 362 Tampines Street 34 #01-377 Singapore 520362 6786 5373	NTUC Eldercare Silver Circle (Fengshan) 91 Bedok North St 4 #01-1527 Singapore 460091 6715 6762	NTUC Eldercare Silver Circle (Pasir Ris) 112 Pasir Ris St 11 #01-657 Singapore 510112 6715 6762

Kawasan Timur		
PCF Sparkle Care @Changi Simei 120 Simei Street 1 #01-476 Singapore 520120 6588 1500	St Luke's Eldercare (Changkat Centre) 350 Tampines Street 33 #01-438 Singapore 520350 6789 9956	St Luke's Eldercare (Tampines Centre) 101 Tampines Street 11 #01-13 Singapore 521101 6786 7688
The Salvation Army - Bedok Multi-Service Centre for the Elderly 121 Bedok North Road #01-163 Singapore 460121 6445 1630	Thong Teck Home for Senior Citizens 91 Geylang East Avenue 2 Singapore 389759 6846 0069	

Kawasan Barat		
Montessori For Dementia Care 1 Kay Siang Road Annexe Block, #04-46 Singapore 248922 9729 7480	New Horizon Centre (Bukit Batok) 511 Bukit Batok Street 52 #01-211 Singapore 650511 6565 9958	New Horizon Centre (Jurong Point) Jurong Point Shopping Centre 1 Jurong West Central 2 #04-04 Singapore 648886 6790 1650
NTUC Eldercare Silver Circle (Jurong Central) 402 Jurong West St 42 #01-525 Singapore 640402 6715 6762	NTUC Eldercare Silver Circle (Jurong West) NTUC Health Nursing Home Level 2 50 Jurong West St 93 Singapore 648967 6715 6762	NTUC Eldercare Silver Circle (Taman Jurong) 349 Corporation Drive #01-502 Singapore 610349 6715 6762
SASCO Hong Kah North Day Care Centre 337 Bukit Batok St 34 #01-06 Singapore 650337 6273 5183	SASCO West Coast Day Care Centre 704 West Coast Road #01-741 Singapore 120704 6273 5183	St Luke's Eldercare (Bukit Timah Centre) 310 Clementi Ave 4 #01-263 Singapore 120310 6873 1772

St Luke's Eldercare (Clementi Centre) 602 Clementi West Street 1 #01-25 Singapore 120602 6872 2210	St Luke's Eldercare (Jurong East Centre) 327 Jurong East Street 31 #01-174 Singapore 600327 6569 0415	
--	---	--

RUMAH PENJAGAAN DENGAN KEMUDAHAN DEMENSIA

Rumah penjagaan ini menyediakan kemudahan penjagaan jangka pendek/panjang dan penjagaan bagi pesakit demensia.

Kawasan Tengah

Lions Home for the Elders (Bishan)

9 Bishan Street 13
Singapore 579804
6252 9900

Tai Pei Old People's Home

10 Jalan Ampas
Singapore 329510
6255 2188

Singapore Christian Home for the Aged

70 Jalan Tan Tock Seng
Singapore 308439
6423 4310

St. Theresa's Home

49 Upper Thomson Road
Singapore 574325
6256 2532

Kawasan Utara

All Saints Home (Hougang)

5 Poh Huat Road
Singapore 546703
6282 6969

Grace Lodge

105 Punggol Road
Singapore 546636
6489 8161

Ling Kwang Home for Senior Citizens

156 Serangoon Garden Way
Singapore 556055
6287 5466

Sree Narayana Mission Home for the Aged Sick

12 Yishun Avenue 5
Singapore 768992
6752 1785

Sunshine Welfare Action Mission (SWAMI) Nursing Home

5 Sembawang Walk
Singapore 757717
6257 6117

All Saints Home (Yishun)

551 Yishun Ring Road
Singapore 768681
6351 1400

Ju Eng Home for Senior Citizens

205 Jalan Kayu
Singapore 799436
6484 6890

Man Fut Tong Nursing Home

20 Woodlands Street 82
Singapore 738507
3157 1151

St. Joseph's Home

36 Jurong West Street 24
Singapore 648141
6268 0482

Villa Francis Home for the Aged

91 Yishun Central
Singapore 768829
6269 2877

Bright Hill Evergreen Home

100 Punggol Field
Singapore 828811
6459 3492

Kwong Wai Shui Hospital and Nursing Home

705 Serangoon Road
Singapore 328127
6299 3747

Society for the Aged Sick

130 Hougang Avenue 1
Singapore 538900
6922 6222

Sunlove Dementia Day Care Centre

Buangkok Green Medical Park
70 Buangkok View
Singapore 534190
6387 3548

Kawasan Timur

All Saints Home (Tampines)

11 Tampines Street 44
Singapore 529123
6788 2345

Moral Home for the Aged Sick

1 Jalan Bilal
Singapore 468854
6442 2268

Thong Teck Home for Senior Citizens

91 Geylang East Avenue 2
Singapore 389759
6846 0069

Kawasan Barat

All Saints Home (Jurong East)

20 Jurong East Avenue 1
Singapore 609792
6819 9300

KUMPULAN SOKONGAN UNTUK PENJAGA

Kumpulan-kumpulan ini menyediakan penjaga pesakit demensia dengan sokongan dan maklumat. Hospital yang disusun semula juga mungkin mempunyai kumpulan sokongan penjaga pesakit demensia - sila hubungi hospital yang berkenaan untuk sebarang pertanyaan.

Kawasan Tengah

Alzheimer's Disease Association Caregiver Support Centre

70 Bendemeer Road,
Luzerne Building
#03-02A
Singapore 339940
6377 0700

Kawasan Utara

Caregivers Alliance Limited (Caregivers Support Centre)

Outside Clinic B, Main Lobby,
Main Block
Institute of Mental Health
Buangkok Green Medical Park
10 Buangkok View
Singapore 539747
6388 2686 / 6388 8631

Apex Harmony Lodge

10 Pasir Ris Walk
Singapore 518240
6585 2265

The Salvation Army Peacehaven Nursing Home

9 Upper Changi Road North
Singapore 507706
6546 5698 / 6546 5678

Project Angels

27 Telok Blangah Way
#01-1018
Singapore 090027
6274 6904

Bethany Methodist Nursing Home

9 Choa Chu Kang Avenue 4
Singapore 689815
6314 1580

Kawasan Timur

Filos Community Services

38 Chai Chee Avenue
#01-177
Singapore 461038
6242 5978 / 6636 3787

Lions Home for the Elders (Bedok)

487 Bedok South Avenue 2
Singapore 469316
6244 0667

Thian Leng Old Folks' Home

115 Lorong G Telok Kurau
Singapore 426317
6344 3186

Jamiyah Nursing Home (Darul Syifaa)

130 West Coast Drive
Singapore 127444
6776 8575

Caregiving Welfare Association

3 Ghim Moh Road
#01-294
Singapore 270003
6466 7957

LATIHAN UNTUK KELUARGA DAN PENJAGA

Pusat-pusat ini menyediakan kursus dan bengkel latihan untuk mereka yang menjaga pesakit demensia.

Kawasan Tengah

Alzheimer's Disease Association Resource & Training Centre

Luzerne Building
70 Bendemeer Road
#06-02
Singapore 339940
6293 9971

Geran Penjaga Latihan

Terdapat subsidi yang membolehkan para penjaga menghadiri kursus-kursus yang diluluskan untuk memberikan penjagaan lebih baik kepada pesakit demensia. Layari www.silverpages.sg/ctg untuk maklumat lanjut.

HOSPITAL-HOSPITAL YANG DISUSUN SEMULA

Hospital-hospital yang disusun semula menyediakan perkhidmatan pakar bagi penilaian dan pengurusan penyakit demensia.

Kawasan Tengah

Alexandra Hospital

378 Alexandra Road
Singapore 159964
6472 2000

Singapore General Hospital

Outram Road
Singapore 169608
6222 3322

National Neuroscience Institute

Neuroscience Clinic, Level 1
11 Jalan Tan Tock Seng
Singapore 208433
6357 7095

Tan Tock Seng Hospital

Jalan Tan Tock Seng
Singapore 308433
6256 6011

Kawasan Utara

Institute of Mental Health

378 Buangkok Green
Medical Park
10 Buangkok View
Singapore 539747
6389 2000

Kawasan Timur

Changi General Hospital

2 Simei Street 3
Singapore 529889
6788 8833

Khoo Teck Puat Hospital

90 Yishun Central
Singapore 768828
6555 8000

Kawasan Barat

Ng Teng Fong General Hospital

1 Jurong East Street 21
Singapore 609606
6716 2000



Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang penyakit demensia, sila layari
healthhub.sg/dementia

Talian Maklumat Demensia:
1800 223 1123